



KEMENTERIAN PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI
JABATAN STANDARD MALAYSIA

SIARAN MEDIA

MALAYSIA MENERAJUI ASEAN: JABATAN STANDARD MALAYSIA PACU INDUSTRI xEV NEGARA, LANCAR MS 2818 SEBAGAI STANDARD PASPORT BATERI PERTAMA DI ASEAN

KUALA LUMPUR, 14 November 2025 – Jabatan Standard Malaysia (JSM), agensi di bawah Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI), dengan kerjasama Institut Automotif, Robotik dan IoT Malaysia (MARii), hari ini mengorak langkah strategik dalam menyokong ekosistem kenderaan elektrik (xEV) negara dengan pelancaran ***Malaysian Standard (MS) 2818 Battery passport for electrified vehicle – General requirements***.

Standard baharu ini bukan sahaja merupakan yang julung kali dibangunkan oleh Malaysia, malah ia adalah standard pasport bateri kenderaan elektrik (xEV) yang pertama seumpamanya di rantau ASEAN.

Standard ini yang dilancarkan sempena *MITI ASEAN DAY 2025*, dijangka akan menjadi penanda aras serantau dalam pembangunan ekosistem bateri xEV yang lebih telus, lestari dan berkesan.

MS 2818 berfungsi sebagai rekod digital komprehensif yang merekodkan maklumat penting sepanjang kitar hayat bateri kenderaan elektrik. Bagi memastikan ekosistem bateri dikawal selia dengan berkesan, standard ini memberikan tumpuan dalam memastikan keterkesanan jejak bateri, meningkatkan ketelusan maklumat bateri dan menyokong kemampuan kitar hayat bateri dari pengeluaran hingga pelupusan.

Pembangunan standard ini juga merupakan inisiatif penting untuk menyokong komitmen negara dalam mengurangkan pelepasan karbon. Ia dilaksanakan melalui galakan terhadap pertumbuhan dan penggunaan kenderaan elektrik (xEV) di Malaysia.

Majlis pelancaran MS hari ini juga turut mengumumkan tiga (3) lagi standard kebangsaan yang memberi tumpuan kepada sektor makanan, yang telah diluluskan secara rasmi pada 24 Oktober 2025 iaitu:

- i. MS 1480 *Food Safety According to Hazard Analysis and Critical Control Point (HACCP) System (Third revision)*.
- ii. MS 2683 *Dehydrated Kelulut (Stingless Bee) Honey – Specification (First revision)*.
- iii. MS 2782 *Honey (Apis sp.) - Specification*.

******(Perincian MS adalah seperti di Lampiran)

Keempat-empat MS yang dilancarkan hari ini merupakan manifestasi komitmen kerajaan melalui MITI dan JSM untuk memastikan produk keluaran negara memenuhi tahap keselamatan, kualiti dan kebolehpasaran antarabangsa. MS ini juga menyokong aspirasi kerajaan untuk membangunkan ekonomi berasaskan nilai dan inovasi, sejajar dengan agenda Malaysia MADANI.

Pelancaran MS 2818 ini dilihat sebagai pemangkin strategik dalam mewujudkan dan membangunkan ekosistem industri xEV yang lebih mantap, inovatif, dan mampan demi masa hadapan Malaysia.

----TAMAT----

**JABATAN STANDARD MALAYSIA (JSM)
KEMENTERIAN PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI (MITI)
14 NOVEMBER 2025**

Tentang JSM:

Jabatan Standard Malaysia (JSM) ialah agensi di bawah Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) yang ditubuhkan pada 28 Ogos 1996 di bawah Akta Standard Malaysia 1996 (Akta 549). JSM berperanan sebagai Badan Standard dan Akreditasi Kebangsaan yang membangunkan serta mempromosikan Standard Malaysia (MS), dan menyediakan perkhidmatan akreditasi kepada badan penilaian pematuhan seperti makmal, badan pensijilan dan pemeriksaan

Pertanyaan Media:

Unit Komunikasi Strategik JSM
Telefon : 03-8008 2891
Faks : 03-8008 2901
E-mel : uks@jsm.gov.my

PERINCIAN MALAYSIAN STANDARD (MS)

1. **MS 1480: *Food Safety According to Hazard Analysis and Critical Control Point (HACCP) System (Third revision)***
 - Standard ini menyediakan satu kaedah yang sistematik untuk mengenal pasti, menilai, dan mengawal potensi bahaya berkaitan keselamatan makanan di sepanjang rantai bekalan, bermula dari pengeluaran bahan mentah sehingga ke peringkat pengguna.
 - Ia merupakan langkah strategik untuk memperkukuh keselamatan makanan negara. Semakan ini adalah untuk memperkemas keperluan sedia ada agar selaras dengan perkembangan antarabangsa, termasuk penyesuaian dengan *Codex Alimentarius Commission*.
 - Membantu Malaysia mengekalkan reputasi sebagai pengeluar makanan yang selamat dan mengukuhkan daya saing produk makanan tempatan di pasaran eksport.
2. **MS 2683: *Dehydrated Kelulut (Stingless Bee) Honey – Specification (First revision)***
 - MS ini memberikan spesifikasi terperinci mengenai parameter fizikal, kimia, dan mikrobiologi untuk madu kelulut terdehidrasi.
 - Ia dibangunkan untuk menyokong industri madu kelulut yang sedang berkembang pesat dan menangani isu berkaitan kualiti serta ketulenan madu. Ia memastikan produk yang dihasilkan mematuhi tahap keselamatan dan kualiti yang ditetapkan.
 - Meningkatkan kepercayaan pengguna terhadap produk madu kelulut tempatan dan membantu pengusaha berskala kecil dan sederhana (PKS) mematuhi keperluan pensijilan untuk menembusi pasaran antarabangsa.
3. **MS 2782: *Honey (Apis sp.) – Specification***
 - MS ini memperincikan ciri-ciri kualiti dan komposisi bagi madu lebah *Apis sp.*, merangkumi aspek seperti kelembapan, kandungan gula, dan tahap keselamatan mikrobiologi.
 - Menjadi rujukan rasmi negara untuk memastikan madu lebah tempatan mencapai standard ketulenan dan keselamatan antarabangsa.
 - Dapat memerangi isu madu tiruan atau tidak tulen di pasaran, melindungi pengguna, dan memperkukuh reputasi madu Malaysia sebagai produk semula jadi yang berkualiti tinggi.